

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN NO. 15

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam meningkatkan kualiti capaian rangkaian internet di kawasan bandar dan luar bandar. Berapa peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini bagi kawasan Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghasilkan sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Antara inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Sabah dan Parlimen Kinabatangan melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di bawah Fasa 1 setakat 30 September 2021 adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 15

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Pelaksanaan	Siap
Kinabatangan	56	0	212	60	530	798	13	
Sabah	538	51	3,500	2,196	251,165	103,281	138	-

Secara umumnya, pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022. Jumlah perbelanjaan yang diperlukan adalah dianggarkan sebanyak RM250 juta yang melibatkan pembiayaan secara komersial oleh penyedia perkhidmatan serta Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sabah telah meningkat kepada 83.48% pada suku kedua 2021 berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Manakala di Parlimen Kinabatangan pula, peratusan liputan jalur lebar 4G telah meningkat kepada 56.13% berbanding 49.22% sebelum pelaksanaan JENDELA.

Apabila kesemua inisiatif Jendela Fasa 1 siap kelak, liputan 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Kinabatangan dijangka akan meningkat kepada 68.71% menjelang penghujung tahun 2022. Tidak dinafikan peratusan ini masih rendah berbanding sasaran liputan kebangsaan, namun begitu pihak Kementerian sentiasa mengkaji keperluan untuk meningkatkan kualiti dan mengisi kelompongan liputan di bawah pelan Jendela Fasa 2 kelak. Oleh yang demikian, lebih banyak projek-projek baharu dengan menggunakan pelbagai teknologi akan dirancang bagi meningkatkan lagi liputan kepada 100% di kawasan berpenduduk. Selain itu, usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan di kawasan-kawasan yang telah mempunyai liputan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

SOALAN NO : 15

Para pengguna disaran melayari portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan ke dalam perancangan masa hadapan. Maklumat yang diperolehi daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, Pihak Kerajaan akan turut melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah Point of Presence (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Pelaksanaan PoP bagi Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah manakala bagi Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap menjelang akhir RMK-12 Tahun 2025. Keseluruhan jumlah PoP di kawasan luar bandar di negeri Sabah adalah sebanyak 695 dan daripada jumlah tersebut pula sebanyak 67 adalah di Parlimen Kinabatangan.